



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 31 JULAI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PESAWAH TERJEJAS SALIRAN TIDAK DISELENGGARA, DALAM NEGERI, UM -34	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	BOT LANGGAR SYARAT SAH LESEN, ENAM KRU WARGA ASING DITAHAN, NEGERI KEDAH, SH -29	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	TAMAN AGROTEKNOLOGI MARDI TERIMA SEJUTA PELANCONG, NEGERI SELANGOR, SH -28	INSTITUT PENYELIDIKAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
4.	PUSINGAN VARIETI PADI TINGKAT PENDAPATAN PESAWAH, NEGERI SELANGOR, SH -28	
5.	HARGA AYAM TURUN RM2 HINGGA RM3 SEKILOGRAM, DALAM NEGERI, UM -12	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

31/7/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

34



PESAWAH menunjukkan keadaan parit yang tidak diselenggara sehingga menjejaskan saliran air dari petak sawah di Bagian Serai. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

Pesawah terjejas saliran tidak diselenggara

Oleh WAT KAMAL ABAS
utusannews@mediamulla.com.my

+ BAGAN SERAI: Pesawah di Alor Pongsu di sini meminta pihak terlibat segera menyelenggarakan parit saliran masuk dan buang air dengan segera menjelang musim mengeringkan air tidak lama lagi. Pesawah mendakwa, hal ini kerana parit yang kurang penyelenggaraan akan menyebabkan tumbuhan keladi agas tumbuh dalam petak sawah hingga mengancam tanaman padi.

Ketua Unit Peladang Parit Haji Ali-Beriah, Mohd. Zaini Saarani, 65, berkata, sepatutnya perparitan itu diselenggara dan aliran air yang dikeluarkan dari petak sawah kering sepenuhnya, namun, itu tidak terjadi kerana dalam parit dipenuhi dengan rumput rumput menyebabkan air dalam sawah tidak dapat kering sepenuhnya.

Menurutnya, untuk proses penyediaan tapak tanaman, biasanya air dimasukkan ke petak sawah terlebih dahulu dan kemudiannya dialirkan melalui parit buang sehingga petak sawah kering dan kerja meracun rumput dapat dilakukan.

"Racun akan disembur dalam kawasan petak sawah bagi tujuan mematiakan semua jenis rumput rumput yang terdapat dalam petak sawah.

"Namun, disebabkan masih terdapat air dalam petak sawah, racun yang disembur tidak begitu berkesan untuk mematiakan rumput yang biasanya akan tumbuh semula.

"Keadaan ini menjejaskan tanaman padi di seluruh kawasan Parit Haji Ali dan hasil tuai akan terjejas pada musim kali ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, masalah parit

tidak diselenggara dengan baik dialami pesawah di Parit Haji Ali di sini menyebabkan parit dipenuhi keladi agas.

Katanya, keadaan menjadi lebih sukar kerana keladi agas tidak mudah untuk dimusnahkan sekiranya menggunakan semburan racun.

"Biasanya keladi agas yang diracun akan tumbuh semula dalam tempoh seminggu. Lebih membimbangkan tumbuhan ini mulai tumbuh di petak sawah yang menjejaskan pembesaran," katanya.

Mohd. Zaini berkata, jika perparitan ini tidak diselenggara dengan segera, kemungkinan besar tiba musim menuai, petani tidak dapat masuk untuk menuai padi kerana tanah akan menjadi lembut seperti mana berlaku di kawasan Kuala Kurau dan Tanjung Piandang baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/7/2023	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH	29



Bot tempatan bersama enam kru warga asing yang ditahan Maritim Malaysia pada Sabtu.

Bot langgar syarat sah lesen, enam kru warga asing ditahan

ALOR SETAR - Sebuah bot nelayan tempatan kelas A ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Kedah dan Perlis kerana melanggar syarat sah lesen di kedudukan 0.3 batu nautika dari Barat Laut Pulau Singa Besar, dekat sini pada jam 12 tengah hari, Sabtu.

Pengarah Maritim Negeri Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim Romli Mustafa

berkata, bot nelayan itu dikendalikan oleh seorang tekong bersama lima kru dikesan sedang berlabuh di perairan pulau tersebut.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati tiga daripadanya adalah warga Thailand dan tiga lagi merupakan warga Kemboja yang kesemuanya berumur lingkungan 29 hingga 55 tahun.

"Kes ini disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen dan Akta

Imigresen 1959/63 iaitu nama nakhoda tiada tercatat dalam buku lesen dan semua kru tidak memiliki pas lawatan kerja, sementara.

"Hasil tangkapan bot nelayan dianggarkan sebanyak 500 kilogram ikan campur bersama bot dan kesemua kru ditahan dan dibawa ke Jeti Maritim Malaysia Bukit Malut untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

31/7/2023

SINAR
HARIANNEGERI
SELANGOR

28

Peroleh RM20 juta setahun, MARDI rancang buka beberapa lagi Taman Agroteknologi

Oleh **MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR**
KUALA SELANGOR

Sebanyak sembilan Taman Agroteknologi, Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di negara ini menerima sejuta pelancong dengan RM20 juta pendapatan pelancongan setahun.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, Taman Agroteknologi Cameron Highlands misalnya, menerima jumlah kedatangan pelawat tertinggi iaitu purata 3,500 hingga 5,000 orang sehari.

"Selain itu, Taman Agroteknologi Langkawi dan

Tanjong Karang juga mencatatkan jumlah pengunjung yang ramai," katanya semasa sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Pelancongan Taman Agroteknologi MARDI Tanjong Karang di sini pada Ahad.

Menurut Foong Hin, MARDI juga merancang untuk membuka beberapa lagi Taman Agroteknologi yang dirasakan sesuai dengan kemudahan prasarana mencukupi.

"Kita sedang melihat potensi di Sintok, Kedah dan merancang untuk membangunkan konsep buah-buahan tropika seperti durian serta mangga yang boleh menjadi tarikan baharu di sana," ujarnya.

Tambah beliau, MARDI menengahkan elemen teknologi dan inovasi pertanian secara

bangunan melalui geran agropelancongan.

"Tiga skop geran ini melibatkan membina dan menaik taraf infrastruktur serta kualiti perkhidmatan di pusat agropelancongan, program galakan promosi serta program pembangunan modal insan," katanya.

Jelas beliau, sehingga kini sebanyak 36 pusat agropelancongan menerima geran bantuan itu, dengan agihan peruntukan sebanyak RM3.94 juta sehingga Jun lalu.

"Kita juga menggalakkan usahawan memohon geran agropelancongan melalui agensi MARDI atau agensi di bawah Kementerian untuk mendapatkan bantuan bagi meningkatkan lagi produktiviti dan pendapatan," kata Foong Hin.



Foong Hin (dua dari kiri) menyampaikan replika geran bantuan kepada seorang penerima semasa Majlis Perasmian Taman Agroteknologi MARDI Tanjong Karang pada Ahad.

pengkhususan di setiap taman berkata, kementeriaannya memperuntukkan sebanyak RM5 juta bagi tujuan pem-

Pusingan varieti padi tingkat pendapatan pesawah

KUALA SELANGOR - Pesawah dinasihatkan membuat *rotation* (pusingan) penggunaan varieti benih padi bagi meningkatkan hasil pendapatan, sekali gus mengurangkan risiko jangkitan penyakit.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, penggunaan varieti padi berbeza bagi musim tanaman dapat memberikan hasil yang tinggi kepada pesawah.

"Mungkin satu varieti padi digunakan untuk tiga musim dan selepas itu kita tukar dengan varieti lain untuk meningkatkan kesan kepada jangkitan pe-



MOHAMMAD ZABAWI

nyakit serta serangan serangga perosak," katanya selepas Majlis Perasmian Taman Agroteknologi MARDI Tanjong Karang di sini pada Ahad.

Menurut Mohamad Zabawi, pesawah di Selangor misalnya, perlu mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan daripada Kawasan Pembangunan Pertanian Bersesuai (IADA).

"Sebagai contoh, pesawah di IADA menggunakan varieti padi M297 yang agak popular ketika ini dan pada tiga musim akan datang membuat pusingan menggunakan varieti padi berbeza," ujar beliau.

31/7/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

12

Harga ayam turun RM2 hingga RM3 sekilogram

KUALA NERUS: Harga ayam segar di beberapa kedai di daerah ini dan Kuala Terengganu menyusut di antara RM2 sehingga RM3 sekilogram sejak minggu lalu.

Seorang peniaga, Ahmad Fahimi Razlan, 41, berkata, harga ayam segar yang dijualnya semalam adalah RM9 sekilogram berbanding sekitar RM12 atau RM12.50 sebelum ini.

"Sebenarnya saya sendiri tidak pasti punca penurunan itu berlaku, mungkin faktor lambakan bekalan ayam segar ketika ini mendorong kejatuhan harga bahan mentah itu.

"Namun, saiz ayam yang diperolehi daripada pembekal agak kecil iaitu tidak sampai 1.5 kilogram seekor berbanding kebiasaan," katanya ketika ditemui di Kampung Manir, di sini, semalam.

Seorang peniaga, Shuhairi Othman, 40, dari Kampung Bukit Tok Beng, berkata, penurunan harga ayam merunsing-kannya apabila hasil jualan berkurang lebih 50 peratus.

Menurut Shuhairi, harga ayam yang rendah belum mampu menarik minat pengguna yang dipercayai 'bertukar selera' kepada ikan yang turut menunjukkan penurunan harga ketika ini.

"Pengusaha kedai makan pun sudah tidak membeli ayam dengan banyak, jadi sekarang



SHUHAIRI Othman memotong ayam yang ditempang pelanggan di kedainya di Kampung Bukit Tok Beng. Seberang Takir, Kuala Nerus, semalam. - UTUSAN/TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF

nak jual 100 ekor ayam sehari pun susah. Biasanya mereka membeli utama dengan lebih 50 ekor sehari.

"Selain itu, saya akan buat jualan luar, tapi hanya 10 ekor yang laku. Sambutan memang 'dingin' dan saya percaya ianya disebabkan harga ikan juga tengah murah.

"Dijangka harga ayam segar terus berada pada paras rendah

dalam masa terdekat dan saya harap ianya dapat menarik semula sambutan pengguna," tambah Shuhairi.

Sementara itu, penjawat awam, Nur Fadila Mukhtar, 34, berkata, penurunan harga bahan mentah ketika ini memberi kelegaan dan lebih banyak pilihan kepada pengguna sebagai pengguna.

"Pengguna juga mempunyai

lebih kuasa membeli dan saya dapati memang ada pengurangan harga ayam segar sejak beberapa minggu lalu. Kebetulan harga bahan mentah lain juga turun.

"Jadi, kita ada pilihan untuk kegunaan isi rumah terutama bagi keluarga yang ramal, mereka biasanya akan bertukar pemilihan menu berasaskan ayam atau ikan," katanya.